



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**ATRIBUSI TERHADAP KEJAYAAN DAN KEGAGALAN MATEMATIK  
DI KALANGAN PELAJAR SAINS DAN PELAJAR SASTERA  
TINGKATAN EMPAT**

**LOH SAU CHEONG**

**FPP 1999 73**

**ATRIBUSI TERHADAP KEJAYAAN DAN KEGAGALAN MATEMATIK  
DI KALANGAN PELAJAR SAINS DAN PELAJAR SASTERA  
TINGKATAN EMPAT**

Oleh

**LOH SAU CHEONG**

**Projek kajian ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada  
syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia.**

Februari 1999



**DEDIKASI UNTUK SEMUA YANG TERSAYANG**

**Ayahanda, Bonda, Kekanda, Adinda dan  
Kawan-Kawan Karib Yang  
Sentiasa Mendoakan  
Kejayaan Saya**

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan dalam ruangan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Hjh Dr. Habibah Elias, pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan selaku penyelia projek saya yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang penulisan projek ini dan sepanjang dua tahun saya mengikuti program Master Sains ini.

Kepada pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kerana telah membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah menengah Wilayah Persekutuan. Tidak lupa juga penghargaan saya disampaikan kepada Pengetua SMK Taman Sri Hartamas dan SMK Taman Tun .Dr. Ismail, Kuala Lumpur, Penolong Kanan 1, guru-guru dan murid-murid atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan semasa saya mengumpul data di sekolah-sekolah berkenaan. Tanpa kerjasama mereka, kajian ini tidak mungkin dapat dijalankan dengan jayanya.

Akhir kata, terima kasih yang tak terhingga ingin saya tujukan khas kepada ayah, mak, kakak, adik dan kawan-kawan yang selalu mendoakan kesihatan dan kejayaan saya serta memberi kasih sayang, dorongan, bantuan dan sokongan terutamanya sokongan moral sepanjang pengajian saya selama dua tahun di Universiti Putra Malaysia ini.

Kepada semua yang terlibat dalam penulisan ini, semoga usaha anda semua diberkati Tuhan dan semoga anda sentiasa sihat dan gembira.

## DAFTAR KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	ix
SENARAI SINGKATAN .....	xi
ABSTRAK .....	xii
ABSTRACT .....	xv
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
<b>Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
<b>Latar Belakang Kajian .....</b>	<b>3</b>
<b>Permasalahan Kajian .....</b>	<b>12</b>
<b>Objektif Kajian .....</b>	<b>14</b>
<b>Persoalan Kajian .....</b>	<b>15</b>
<b>Model Kajian .....</b>	<b>17</b>
<b>Kepentingan Kajian .....</b>	<b>24</b>
<b>Skop Kajian .....</b>	<b>28</b>
<b>Definisi Operasional .....</b>	<b>29</b>
<b>Atribusi .....</b>	<b>30</b>

	Matematik .....	31
	Aliran Persekolahan .....	31
	Gred Pencapaian .....	32
	Motivasi Pencapaian .....	32
<b>II</b>	<b>SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN</b>	
	<b>Pengenalan .....</b>	<b>33</b>
	<b>Tinjauan Kajian Atribusi dan Motivasi Pencapaian .....</b>	<b>34</b>
	<b>Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik .....</b>	<b>37</b>
	<b>Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik</b>	
	<b>Berdasarkan Perbezaan Jantina .....</b>	<b>43</b>
	<b>Kesimpulan .....</b>	<b>52</b>
<b>III</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	<b>Pengenalan .....</b>	<b>54</b>
	<b>Rekabentuk Kajian .....</b>	<b>54</b>
	<b>Lokasi Kajian .....</b>	<b>57</b>
	<b>Subjek Kajian .....</b>	<b>58</b>
	<b>Prosedur Pemilihan Sampel .....</b>	<b>59</b>
	<b>Alat Kajian .....</b>	<b>61</b>
	<b>Tatacara Kajian .....</b>	<b>66</b>
	<b>Teknik Penganalisan Data .....</b>	<b>69</b>
	<b>Statistik Perihalan .....</b>	<b>70</b>
	<b>Statistik Pentadbiran .....</b>	<b>70</b>

#### IV DAPATAN KAJIAN

<b>Pengenalan</b> .....	71
<b>Taburan Responden Secara Keseluruhan</b> .....	71
<b>Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik</b> .....	77
<b>Lokus Kawalan dan Motivasi Pencapaian</b> .....	85
<b>Perbezaan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Antara Aliran Persekolahan</b> .....	86
<b>Perbezaan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Antara Jantina</b> .....	90
<b>Hubungan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik dengan Gred Pencapaian Matematik</b> .....	93
<b>Hubungan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik dengan Lokus Kawalan / Motivasi Pencapaian</b> .....	95

#### V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

<b>Pengenalan</b> .....	98
<b>Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Secara Keseluruhan</b> .....	98
<b>Perbezaan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Mengikut Aliran Persekolahan</b> .....	100
<b>Perbezaan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Mengikut Jantina</b> .....	101
<b>Hubungan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik dengan Gred Pencapaian Matematik</b> .....	104

<b>Hubungan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan</b>	
<b>Matematik dengan Motivasi Pencapaian .....</b>	<b>104</b>
<b>Kesimpulan .....</b>	<b>107</b>
<b>Cadangan .....</b>	<b>108</b>
<b>Cadangan Kajian Lanjut .....</b>	<b>113</b>
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>116</b>
<b>LAMPIRAN A Skala Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik</b>	<b>127</b>
<b>LAMPIRAN B Skala Kawalan Pelajar .....</b>	<b>130</b>
<b>LAMPIRAN C Surat Menjalankan Kajian dari Kementerian Pendidikan.....</b>	<b>134</b>
<b>LAMPIRAN D Surat Menjalankan Kajian dari Jabatan Pendidikan Wilayah</b>	
<b>Persekutuan .....</b>	<b>136</b>
<b>LAMPIRAN E Surat Pengakuan Pelajar .....</b>	<b>137</b>
<b>VITA .....</b>	<b>141</b>



## SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Dimensi-dimensi Dalam Teori Atribusi Weiner .....	20
Jadual 2 : Dimensi Lokus Berlawanan dengan Dimensi Kestabilan .....	21
Jadual 3 : Dimensi Kestabilan Berlawanan dengan Dimensi Kebolehkawalan ..	22
Jadual 4 : Taburan Soalan Mengikut Subskala Bagi Situasi Kegagalan.....	64
Jadual 5 : Taburan Soalan Mengikut Subskala Bagi Situasi Kejayaan .....	64
Jadual 6 : Taburan Responden Mengikut Aliran Persekolahan dan Jantina ..	72
Jadual 7 : Frekuensi Gred Matematik PMR .....	74
Jadual 8 : Gred Matematik PMR Mengikut Aliran Persekolahan dan Jantina ....	76
Jadual 9 : Darjah Persetujuan Terhadap Setiap Punca Kejayaan dan Kegagalan .....	80
Jadual 10 : Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Mengikut Aliran Persekolahan dan Jantina .....	82
Jadual 11 : Lokus Kawalan Pelajar dan Motivasi Pencapaian .....	86
Jadual 12 : Min dan Sisihan Piawai Bagi Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Mengikut Aliran Persekolahan .....	88
Jadual 13 : Ujian-t Bagi Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Antara Aliran Persekolahan .....	89
Jadual 14 : Min dan Sisihan Piawai Bagi Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Mengikut Jantina .....	91
Jadual 15 : Ujian-t Bagi Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik Antara Jantina .....	92
Jadual 16 : Hubungan Atribusi Terhadap Kejayaan dan Kegagalan Matematik dengan Gred Pencapaian Matematik .....	94

<b>Jadual</b>	<b>dan Kegagalan Matematik dengan Gred Pencapaian Matematik</b>	
	<b>PMR .....</b>	<b>95</b>
<b>Jadual 18 : Hubungan Atribusi</b>	<b>dengan Motivasi</b>	
<b>Jadual 19 : Hubungan Jumlah Dimensi</b>	<b>dan Kegagalan dengan Lokus Kawalan / Motivasi Pencapaian.. ..</b>	<b>97</b>

## SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Proses Kognisi-Emosi Berdasarkan Teori Atribusi Weiner .....	19
Rajah 2 : Histogram Responden Mengikut Aliran Persekolahan dan Jantina .....	73
Rajah 3 : Carta Pai Responden Berdasarkan Aliran Persekolahan .....	73
Rajah 4 : Carta Pai Gred Pencapaian Matematik PMR .....	74

## SENARAI SINGKATAN

**r = Pekali**

**c = Pekali Kontinjensi**

**Jum = Jumlah**

**N = Bilangan**

**Sts = Sangat tidak setuju**

**Ts = Tidak setuju**

**Tp = Tidak pasti**

**S = Setuju**

**Ss = Sangat setuju**

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**ATRIBUSI TERHADAP KEJAYAAN DAN KEGAGALAN MATEMATIK  
DI KALANGAN PELAJAR SAINS DAN PELAJAR SASTERA  
TINGKATAN EMPAT**

**Oleh**

**LOH SAU CHEONG**

**FEBRUARI 1999**

**Penyelia : Prof. Madya Dr. Hjh. Habibah Elias**

**Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan**

**Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik antara pelajar Sains dan pelajar Sastera Tingkatan Empat. Subjek merupakan 262 orang pelajar Tingkatan Empat yang telah dipilih mengikut persampelan rawak berlapis dari dua buah sekolah menengah kebangsaan di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Antara subjek ini, 130 orang adalah pelajar Sains dan 132 orang adalah pelajar Sastera.**

Atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik telah diukur dengan menggunakan Skala Atribusi Kejayaan dan Kegagalan Matematik yang diubahsuai dari Skala Dimensi Causal oleh Russell sementara lokus kawalan pelajar telah diukur dengan menggunakan Skala Kawalan Pelajar yang diubahsuai dari Skala Lokus Kawalan oleh Rotter. Lokus kawalan seterusnya digunakan bagi menentukan motivasi pencapaian pelajar.

Perbezaan min atribusi mengikut aliran persekolahan dan jantina telah ditentukan kesignifikannya melalui ujian-t sampel tak bersandar. Bagi aliran persekolahan, terdapat perbezaan yang signifikan bagi dimensi kestabilan dan kebolehkawalan dalam situasi gagal dan perbezaan yang signifikan bagi dimensi lokus, kebolehkawalan, dan kestabilan dalam situasi lulus. Bagi jantina, perbezaan min atribusi yang signifikan wujud dalam dimensi lokus bagi situasi lulus dan dalam dimensi kebolehkawalan bagi situasi gagal.

Hubungan atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik dengan gred pencapaian Matematik telah ditentukan dengan menggunakan Khi-Kuasa Dua dan Pekali Kontinjensi. Keputusan menunjukkan hubungan yang sederhana bagi dimensi lokus dan kestabilan dalam situasi gagal serta dimensi lokus dan kebolehkawalan dalam situasi lulus. Sementara itu, Pekali Korelasi Pearson telah

digunakan untuk menentukan hubungan atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik dengan motivasi pencapaian. Hubungan sederhana ke lemah wujud dalam situasi gagal dalam dimensi kestabilan dan kebolehkawalan dan dalam situasi lulus pada dimensi lokus, kebolehkawalan dan kestabilan.

Pada keseluruhannya, didapati pelajar Sains lebih bersifat kawalan dalaman dan menganggap punca sebagai boleh dikawal berbanding dengan pelajar Sastera. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar lelaki mengatribusi kejayaan kepada kebolehan diri manakala pelajar perempuan mengatribusi kejayaan kepada usaha.

**Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master of Science.**

**ATTRIBUTION TOWARDS SUCCESS AND FAILURE OF  
MATHEMATICS BETWEEN FORM FOUR  
SCIENCE AND ARTS STUDENTS**

**By**

**LOH SAU CHEONG**

**FEBRUARY 1999**

**Project Supervisor : Associate Prof. Dr. Hjh. Habibah Elias**

**Faculty : Faculty of Educational Studies**

**The purpose of this research was to examine the difference of attribution towards success and failure in Mathematics between Form Four Science and Arts students. Subjects were 262 Form Four students chosen by stratified random sampling method from two secondary schools at Bangsar Zone, Kuala Lumpur. Among the subjects, 130 were Science students while 132 were Arts students.**



Attribution towards success and failure in Mathematics was measured by the Mathematics Attribution Scale modified from Russell's Causal Dimension Scale while locus of control was measured by the Students' Control Scale modified from Rotter's Locus of Control Scale. Locus of control was then used to determine the achievement motivation of students. The significant differences in attribution across the stream and sex was tested through independent sample t-test. For each stream, there is a significant difference for stability and controllability dimension in situation of failure and a significant difference for locus, controllability and stability dimensions in situation of success.

For sex, a significant difference for attribution was found in locus dimension as in situation of success while controllability dimension was found to be significant in situation of failure.

The relationship of attribution towards success and failure in Mathematics with Mathematics achievement grade was determined through Chi-Square method together with Contingency Coefficient. The result showed a moderate relationship for locus and stability dimension in situation of failure while locus and controllability dimension in situation of success.

Meanwhile, Pearson Correlation Coefficient was used to determine the relation of attribution towards success and failure in Mathematics with achievement motivation. Moderately to low correlation were found in stability and controllability dimension for situation of failure and in locus, controllability and stability dimension for situation of success.

Overall, Science students were more internally controlled and perceived factors as controllable compared to Arts students. Results also show that male students attribute success more to their abilities while female student attribute success more to their effort.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Setiap manusia mempunyai keperluan untuk merasa selamat, diterima, cekap dan berkebolehan. Ada individu pula yang membentuk keperluan yang tinggi untuk mencapai sesuatu. Keperluan pencapaian ini akan menjadi asas kepada individu tersebut untuk memperoleh pencapaian yang lebih tinggi lagi. Tiada seorang daripada kita yang inginkan kegagalan memandangkan kegagalan akan membawa kesengsaraan dan kesakitan kepada kita. Tambahan pula individu memang tidak berkemungkinan menceburi tugas yang menyebabkannya rasa tidak kompeten dan akan membawa kepada kegagalan.

Mengikut Maslow(1970), individu perlu memenuhi keperluan tertentu demi meningkatkan motivasinya. Keperluan pada tahap rendah perlu dipenuhi dahulu sebelum keperluan pada tahap tinggi dapat dicapai. Keperluan pada tahap rendah adalah seperti keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang

dan keperluan penghargaan sendiri. Sementara itu, keperluan pada tahap yang lebih tinggi adalah seperti keperluan untuk mengetahui dan memahami, keperluan estetika dan keperluan sempurna sendiri.

Memandangkan keperluan pencapaian ini adalah berbeza di kalangan individu seperti pelajar, iaitu ada yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi, ada yang mempunyai keperluan pencapaian yang rendah, dan ada pula yang dimotivasi oleh keperluan untuk mengelakkan kegagalan, dapat diperhatikan bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi adalah lebih bersedia dalam menghadapi cabaran tugas, mencapai gred yang tinggi dan memberi peluang kepada dirinya untuk mencuba lagi (Woolfolk, 1993).

Memenuhi keperluan untuk pencapaian tidak akan menggalakkan motivasi jika kejayaan yang diperolehi adalah disebabkan oleh nasib. Sementara itu kegagalan adalah tidak menghampakan melainkan kegagalan tersebut mengimplikasikan sesuatu yang buruk terhadap kita. Dengan perkataan lain, kepercayaan dan atribusi tentang apa yang berlaku dan mengapa kita gagal atau berjaya, maklum balas daripada orang dewasa seperti guru dan ibu bapa tentang kebolehan dan usaha pelajar akan mempengaruhi motivasi pelajar, iaitu sama ada pada akhirnya pelajar tersebut akan menuju kepada pencapaian pembelajaran atau ketidakupayaan pembelajaran.

Penerangan kognitif terhadap motivasi bermul  
 in  
 kegagalannya. Pel bertanya, “Kenapa saya gagal  
 peperiksaan ?”, “Apakah kesal  
 memperolehi  
 bagi sesuatu terjadi  
 dan kegagalan dengan memfokus kepada kebolehan, usaha, perasaan, pengetahuan,  
 nasib, pertolongan,  
 berat sebelah dan sebagai

Namun begitu suasana bilik darjah bukan sahaja memenuhi  
 pencapai  
 persoalan dalam atri  
 seperti “Mengapa Ali ti  
 pengkaji

### Latar Belakang Kajian

Konsep tentang pola atribusi  
 Abramson, Seli  
 keti

menerangkan perkara yang positif atau yang negatif dalam kehidupan. Ini bermakna punca yang dipilih oleh individu bagi mengatribusi kejayaan atau kegagalannya adalah sama pada kebanyakan masa, jika dilihat dari segi dimensi 'causal', kestabilan dan keseluruhannya (globality). Menurut Abramson *et al.* (1978), apabila individu mempercayai keputusan mungkin berlaku ke atas dirinya dan bukan orang lain, individu tersebut telah mengatribusi keputusan ini kepada faktor dalaman. 'Kestabilan' merujuk kepada punca yang sama ada berlanjutan atau tidak tetap dan akhirnya sesuatu punca adalah global apabila punca tersebut berlaku dalam pelbagai situasi. Sebagai permulaan bagi kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan melihat pola atribusi pelajar terhadap kejayaan dan kegagalan secara keseluruhan.

Di sekolah menengah yang terdapat di Malaysia, Matematik biasanya dianggap sebagai mata pelajaran yang rumit, bukan sahaja oleh pelajar bahkan juga oleh setengah guru dan pengetua, khasnya mereka yang bukan guru Matematik. Persepsi mereka ini mungkin terbentuk akibat pengalaman pembelajaran Matematik yang terbawa-bawa sejak zaman persekolahan. Pengalaman ini mungkin tidak seronok, menakutkan atau pahit sekali ( Buku Panduan Penyeliaan Matematik Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Untuk menjadikan pembelajaran Matematik sebagai satu pengalaman yang menyeronokkan, menyakinkan dan lebih berkesan, banyak kajian atau penyelidikan tentang pelbagai teori dan kaedah pengajaran yang efektif dalam situasi-situasi berlainan telah dihasilkan. Pada masa yang sama ramai guru Matematik telah didedahkan kepada teori-teori dan kaedah-kaedah pengajaran Matematik tersebut. Akan tetapi sikap pelajar yang negatif terhadap pembelajaran Matematik telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang telah menggugat pelaksanaan teori-teori dan kaedah pengajaran yang efektif ini (Kajian Pengajaran dan Pembelajaran Matematik KBSM, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Pada bulan Jun 1992, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan bantuan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah menjalankan satu kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik KBSM di empat puluh satu buah sekolah menengah dari empat buah negeri yang dipilih iaitu Pulau Pinang (Seberang Perai), Perak (Kawasan Utara), Terengganu dan Kelantan. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik KBSM dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Empat.

Hasil dapatan kajian menunjukkan 55.9% pelajar Tingkatan Empat dianggap masih lemah atau sangat lemah dalam pengetahuan dan kemahiran asas pada tahap berkenaan. Mereka juga didapati kurang memahami soalan yang

berbentuk masalah. Didapati juga bahawa di antara 30 – 50% pelajar di setiap tingkatan dianggap bersikap negatif atau sangat negatif terhadap Matematik.

Banyak kajian berkenaan sikap pelajar dan pencapaian Matematik telah dijalankan, namun kajian mengenai atribusi murid terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik tidak pernah dikaji secara tempatan, sedangkan pada pendapat pengkaji ianya merupakan punca masalah kepada pencapaian Matematik. Di samping itu teori atribusi merupakan satu-satunya teori yang membantu menerangkan gerakbalas pelajar terhadap kejayaan dan kegagalan akademik lebih-lagi motivasi pelajar untuk menyelesaikan tugas akademik (Ames & Ames, 1986; Weiner, 1979, 1984; Wittrock, 1986).

Memandangkan Matematik adalah suatu mata pelajaran yang sangat penting bagi pelajar, sama ada untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, mahupun dalam kerjaya pada masa depan, maka pengkaji telah bercadang mengkaji atribusi pelajar terhadap kejayaan dan kegagalan mata pelajaran, khasnya mata pelajaran Matematik.

Mengikut Laporan Pemeriksaan dan Kajian Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), analisis ke atas pola prestasi Matematik SRP dan SPM bagi tempoh 1989 – 1991 menunjukkan bahawa hanya dua buah sekolah dapat mengekalkan prestasi yang tinggi di dalam kedua-



dua peperiksaan. Sebahagian besar sekolah (82.9%) tidak dapat mengekalkan pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan SPM. Di antara faktor-faktor yang dinyatakan oleh guru ialah kebanyakan sekolah yang dikaji ini mempunyai bilangan calon yang ramai bagi aliran Sastera yang biasanya lemah dalam Matematik; ramai pelajar yang baik dalam Matematik SRP telah ditukarkan ke aliran Sains sekolah lain atau ke sekolah berasrama penuh. Justeru itu, telah menjadi salah satu objektif kajian ini bagi melihat sama ada terdapat perbezaan atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan Matematik di antara pelajar Sains dan pelajar Sastera.

Dalam kajian ini, pelajar Tingkatan Empat telah dipilih atas rasional bahawa mereka yang berada di tingkatan yang lebih rendah tidak dapat memberi respons yang boleh dipercayai sementara mereka yang berada di tingkatan yang lebih tinggi tidak dapat memberi respons dalam situasi yang 'natural' memandangkan mereka dikehendaki menduduki peperiksaan awam nanti.

Mengikut teori atribusi, atribusi terhadap kejayaan dan kegagalan tugas harus dihubungkan dengan tingkah laku pencapaian (Bar-Tal, 1978). Terdapat bukti penyelidikan yang menunjukkan bahawa atribusi 'causal' terhadap pencapaian dalam tugas akademik mempunyai kesan signifikan ke atas jangkaan pelajar dalam mencapai lebih kejayaan, memperolehi tingkah laku pencapaian dan gerakbalas emosi (Weiner, 1992). Dalam domain tingkah laku pencapaian, atribusi